



Laporan Tahunan

Bagi tahun kewangan berakhir
31 Disember 2025



ISI KANDUNGAN

1.	MAKLUMAT DANA	1
2.	PRESTASI DANA	2
3.	LAPORAN PENGURUS	7
4.	PENYATA PENGURUS	16
5.	LAPORAN PEMEGANG AMANAH	17
6.	LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB	18
7.	PENYATA KEWANGAN	19
	7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025	19
	7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025	20
	7.3 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025	21
	7.4 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Disember 2025	22
8.	ALAMAT CAWANGAN ASNB	32
9.	MAKLUMAT KORPORAT	34

**LAPORAN PENGURUS
AMANAH SAHAM BUMIPUTERA
(ASB)**



Pemegang-pemegang unit ASB yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

1. MAKLUMAT DANA

1.1 KATEGORI / JENIS DANA

Nama Dana	Kategori Dana	Jenis Dana
ASB	Aset Campuran	Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN DANA

Objektif pelaburan ASB ialah menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.

***Nota:** ASB bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garis Panduan Dana Unit Amanah.*

1.3 PENANDA ARAS DANA

ASB menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASB akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

2. PRESTASI DANA

2.1 PERUMPUKAN ASET

- A. Perumpukan Aset Bagi ASB Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Dana:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)		
	2025	2024	2023
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	5.57	5.70	6.73
Barangan Bukan Asasi Pengguna	2.00	1.40	1.91
Barangan Asasi Pengguna	11.64	11.69	12.05
Tenaga	1.28	1.16	1.70
Kewangan	28.47	30.64	30.34
Penjagaan Kesihatan	0.99	0.88	1.81
Perindustrian	7.25	8.27	8.64
Teknologi Maklumat	4.42	4.14	2.42
Bahan Asas	0.81	1.16	1.86
Hartanah	9.82	10.47	10.29
Utiliti	3.39	5.39	5.38
Jumlah	75.64	80.90	83.13
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	3.82	2.27	2.20
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	13.75	10.05	7.45
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	6.79	6.78	7.22
Jumlah	100.00	100.00	100.00

B. Senarai 20 Pelaburan Terbesar dari segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding dengan NAB Dana:

Bil.	Syarikat	% Daripada NAB Dana
1.	Malayan Banking Berhad	20.38
2.	SD Guthrie Berhad	9.69
3.	Government Of Malaysia (Bon)	8.42
4.	Sime Darby Berhad	2.98
5.	Tenaga Nasional Berhad	2.76
6.	PNB Capital LLC RCPSA US	2.00
7.	Sime Darby Property Berhad	1.83
8.	Axiata Group Berhad	1.67
9.	CIMB Group Holdings Berhad	1.52
10.	PNB Capital LLC RCPSC US	1.50
11.	PNB Real Estate 1 LLC USD	1.44
12.	Maxis Berhad	1.38
13.	CelcomDigi Berhad	1.10
14.	United States Treasury Note/Bond (Bon)	1.00
15.	PNB Real Estate 1 LLC EUR	0.92
16.	S P Setia Berhad	0.88
17.	MISC Berhad	0.80
18.	Public Bank Berhad	0.68
19.	Petronas Chemicals Group Berhad	0.66
20.	PNB Infrastructure LLC USD	0.64

Nota: Bagi perkara (B) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2025	2024	2023
Unit Dalam Edaran (Juta)	181,165	174,733	174,975
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	5.20	5.50	4.25
Bonus (sen) ¹	0.55	0.25	1.00
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	9,252.68	9,955.43 ²	7,534.30
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Januari 2026	1 Januari 2025	1 Januari 2024
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ³	0.09	0.15	0.33
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ⁴	0.51	0.35	0.21

Nota:

1. Bonus dibayar berdasarkan purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus bagi tahun 2023 sehingga tahun 2025, adalah berdasarkan budi bicara pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan ASNB.
2. Jumlah pengagihan bagi tahun 2024 adalah termasuk dengan jumlah pengagihan bonus.
3. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASB yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpanduan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah tidak ketara.
4. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpanduan asas harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah tidak ketara.

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, ASB telah memperuntukkan sejumlah RM9,252,677,383 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 5.20 sen seunit. Pada masa yang sama, PNB telah mengagihkan bonus sebanyak 0.55 sen seunit bersamaan RM974,916,504. Pembayaran bonus, sekiranya ada, adalah tertakluk kepada budi bicara PNB.

2.4 PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASB adalah seperti berikut:

	31 Disember 2025		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	5.20	4.98	4.51
Bonus (sen) ²	0.55	0.60	0.76
Bonus Tambahan (sen) ³	-	-	0.10
Penanda Aras (%)	2.28	2.57	2.37

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan jumlah purata pulangan adalah seperti berikut:-

(a) Pulangan 1 tahun = i_t

Di mana, i = pengagihan pendapatan ; t = tahun semasa

(b) Pulangan 3 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2}}{3} \right]$

(c) Pulangan 5 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}}{5} \right]$

2. Bonus dibayar adalah berdasarkan purata BMB selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB.
3. Bonus Tambahan bagi tahun 2022 adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan tahun kewangan tersebut, dan tertakluk kepada had purata BMB sehingga 30,000 unit sahaja.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASB berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember				
	2025	2024	2023	2022	2021
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	5.20	5.50	4.25	3.35	4.25
Bonus (sen) ¹	0.55	0.25	1.00	1.25	0.75
Bonus Tambahan (sen) ²	-	-	-	0.50	-
Penanda Aras (%)	2.28	2.59	2.84	2.27	1.85

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Bonus dibayar adalah berdasarkan purata BMB selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB.
2. Bonus Tambahan bagi tahun 2022 adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan tahun kewangan tersebut, dan adalah tertakluk kepada had purata BMB sehingga 30,000 unit sahaja.

Prestasi ASB adalah lebih baik berbanding penanda aras, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025. Prestasi ini disokong oleh pulangan positif daripada pelaburan dalam sektor Perladangan, sektor Amanah Pelaburan Hartanah ("Real Estate Investment Trusts, REITs"), dan sektor Kewangan. Di samping itu, ASB turut mendapat manfaat daripada pelaburan dalam sektor Pembinaan, sektor Utiliti, dan sektor Hartanah yang mendapat kesan positif daripada pelaburan langsung asing dalam pembangunan pusat data. ASB juga terus mempelbagaikan pelaburan ke dalam aset-aset lain seperti sekuriti berpendapatan tetap domestik dan antarabangsa, bagi memastikan pulangan ASB kekal konsisten dan kompetitif. Jumlah pulangan tahunan termasuk bonus adalah sama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, berbanding tahun kewangan 2024, walaupun ASB berdepan dengan pulangan pasaran saham tempatan yang lebih rendah dipengaruhi oleh kejutan makroekonomi berikutan ketidakpastian dasar tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat, hasil dari inisiatif ASB dalam mempelbagaikan pelaburan.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Dana masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 PERUBAHAN SIGNIFIKAN DANA

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

2.7 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASB tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.8 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASB. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.9 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan dana unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASB ("Dana") telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Dana adalah melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan di bursa asing, sekuriti yang tidak disenaraikan, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan Dana. Sebarang pelaburan di pasaran modal asing adalah mengambil kira keadaan pasaran, pergerakan mata wang, disamping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara

Dana boleh melabur sehingga 90% daripada Nilai Dana ("Value of Fund") dalam ekuiti dan selebihnya dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset mudah tunai. Walau bagaimanapun, Dana boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, strategi pelaburan Dana telah dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor persekitaran ekonomi domestik dan ekonomi global, tahap kemampunan kadar pulangan pasaran saham, serta pulangan daripada sekuriti berpendapatan tetap. Sepanjang tahun kewangan, prestasi pasaran modal telah dipengaruhi oleh permulaan kitaran penurunan kadar faedah dasar bank-bank pusat antarabangsa, ketegangan geopolitik yang berterusan terutamanya di Asia Tengah, pakej rangsangan ekonomi oleh kerajaan China bagi menggalakkan ekonomi tempatan, serta perubahan dasar ekonomi oleh pentadbiran baharu di Amerika Syarikat.

Di peringkat domestik, pengumuman projek-projek berimpak tinggi oleh kerajaan Malaysia serta peningkatan pelaburan asing dalam pembangunan pusat data telah menyokong prestasi pasaran saham. Selain daripada itu, strategi pelaburan Dana kekal dipandu oleh perumpukan aset strategik, bagi memastikan objektif Dana untuk menjana pulangan yang kompetitif secara berterusan dapat dicapai. Strategi pelaburan Dana terus tertumpu kepada perumpukan aset yang optimal antara ekuiti domestik dan ekuiti antarabangsa, dan meningkatkan lagi pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap dalam usaha untuk mengurangkan risiko portfolio dan menstabilkan NAB Dana dalam keadaan pasaran yang tidak menentu. Di samping itu, Dana terus melabur di dalam instrumen pasaran wang bagi memastikan kecairan yang mencukupi.

(i) Ekuiti

a. Domestik

Pelaburan Dana tertumpu pada sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan, terutamanya sektor-sektor yang didorong

oleh permintaan domestik dan berdaya tahan dalam ketidakpastian pasaran global yang dipengaruhi oleh dasar tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat.

Antara sektor yang menjadi tumpuan adalah sektor Kewangan yang menyaksikan peningkatan dalam aktiviti pembiayaan serta menjana pulangan dividen yang tinggi. Pelaburan Dana turut merangkumi sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada perkembangan pesat pembinaan dan operasi pusat data, termasuk sektor Pembinaan, sektor Hartanah dan sektor Utiliti.

Di samping itu, Dana turut melabur dalam sektor-sektor defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan, sektor Barangan Asasi Pengguna dan REITs bagi mengimbangi risiko dalam portfolio pelaburan Dana.

b. Antarabangsa

Bagi memastikan pulangan yang kompetitif serta mempelbagaikan risiko, Dana turut melabur dalam beberapa pasaran utama dunia seperti pasaran saham di Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah ("European Union, EU") dan Asia Pasifik. Portfolio pelaburan antarabangsa ini merangkumi pelbagai sektor dan industri, khususnya sektor yang disokong oleh permintaan struktur dan permintaan pasaran tempatan, serta sektor yang kurang terjejas oleh ketidakpastian dasar tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat. Antara sektor tersebut termasuklah sektor Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI"), sektor Semikonduktor, sektor Perindustrian sektor Pembuatan serta sektor defensif seperti sektor Kepenggunaan yang berasaskan permintaan domestik.

(ii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Dana telah meneruskan strategi mempelbagaikan pelaburan melalui sekuriti berpendapatan tetap bagi menjana pulangan yang berpatutan dan mampan, sejajar dengan tahap risiko kredit yang diambil. Pendekatan ini dilaksanakan secara berdisiplin dengan penekanan kepada pemilihan aset berkualiti tinggi serta pengurusan risiko yang berhemah dalam persekitaran pasaran yang dinamik.

Pelaburan dalam bon korporat tertumpu kepada instrumen berkupon tinggi yang merangkumi sektor Kewangan, sektor Infrastruktur dan sektor Tenaga, dengan tempoh matang antara tiga (3) sehingga sepuluh (10) tahun. Pemilihan sektor dan penerbit dibuat berdasarkan analisis kredit yang menyeluruh, merangkumi kekuatan aliran tunai, profil kewangan yang kukuh serta daya tahan perniagaan. Langkah ini memastikan kestabilan pendapatan dan perlindungan bagi nilai pelaburan jangka sederhana hingga panjang. Portfolio sekuriti berpendapatan tetap Dana mempunyai purata penarafan kredit "AA+".

Di samping itu, Dana turut mengekalkan pendedahan yang signifikan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia iaitu Malaysian Government Securities ("MGS") dan Government Investment Issues ("GII") sebagai komponen teras portfolio sekuriti berpendapatan tetap. Pelaburan ini bertujuan menyediakan aliran pendapatan yang stabil serta berfungsi sebagai penampungan risiko kepada Dana secara keseluruhan. Dalam persekitaran pasaran yang memberangsangkan sepanjang tahun kewangan, pelaburan telah diurus dengan lebih taktikal dan berdisiplin bagi memanfaatkan pergerakan harga pasaran yang kondusif, sekali gus merealisasikan keuntungan modal secara berhemah dan terkawal. Seiring dengan penurunan Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") sebanyak 25 mata asas, Pengurus Pelaburan telah melaksanakan aktiviti dagangan yang lebih aktif daripada

kebiasaan, dengan strategi utama tertumpu kepada dagangan nilai relatif, terutamanya pada terbitan luar penanda aras bagi tempoh matang antara 5 sehingga 30 tahun. Pendekatan ini seterusnya menyumbang secara positif dan ketara kepada jumlah pendapatan keseluruhan Dana.

Pelaburan antarabangsa Dana telah dipertingkatkan secara berperingkat di pasaran maju serta pasaran membangun terpilih, termasuk Amerika Syarikat dan Arab Saudi bagi meningkatkan kepelbagaian geografi, mengurangkan kebergantungan kepada satu pasaran, di samping mengakses peluang pelaburan dengan profil pulangan yang lebih kompetitif. Dalam pelaksanaannya, Dana memberi keutamaan kepada pembinaan portfolio teras jangka panjang yang seimbang, merangkumi sekuriti kerajaan dan korporat berkualiti tinggi, di samping memanfaatkan peluang pasaran secara selektif apabila penilaian dan keadaan pasaran adalah menyokong. Pada akhir tahun kewangan, hasil bon 10-tahun Arab Saudi didagangkan sekitar 4.95%, berbanding Amerika Syarikat sekitar 4.15% dan Malaysia sekitar 3.53%. Justeru, pelaburan di Arab Saudi dan Amerika Syarikat menjana pulangan yang lebih tinggi berbanding Malaysia, manakala risiko mata wang dilindungi melalui strategi lindung nilai. Selain itu, Dana turut dilaburkan dalam entiti korporat antarabangsa berkualiti tinggi seperti Saudi Aramco, Saudi Electricity Corporation dan Saudi National Bank.

Pendekatan pelaburan antarabangsa ini dilaksanakan dengan kawalan risiko yang ketat, termasuk pemantauan terhadap pendedahan kadar faedah, kredit dan mata wang, bagi memastikan keselarasan dengan objektif pelaburan Dana serta tahap toleransi risiko yang ditetapkan. Usaha ini menyumbang kepada pengukuhan daya tahan portfolio Dana dalam menghadapi ketidakpastian pasaran global.

Selain itu, Dana turut mengekalkan pelaburan dalam pasaran wang bagi memastikan tahap kecairan yang mencukupi. Kedudukan kecairan ini membolehkan Dana memenuhi keperluan operasi serta menyediakan fleksibiliti untuk membuat penyertaan strategik dalam pasaran saham domestik dan pasaran saham antarabangsa apabila peluang pelaburan yang bersesuaian dikenal pasti, tanpa menjejaskan kestabilan keseluruhan portfolio Dana.

3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Sepanjang separuh pertama tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Dana berhadapan dengan keadaan yang mencabar susulan kejutan makroekonomi yang disebabkan oleh pelaksanaan tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat dan ketegangan perang dagangan antara Amerika Syarikat dan China. Ketidaktentuan polisi dagangan ini telah memberi tekanan terhadap sektor Pembuatan, yang mendorong kepada kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia. Dalam unjuran awal yang diterbitkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa ("International Monetary Fund, IMF") pada bulan Januari 2025, pertumbuhan ekonomi dunia bagi tahun 2025 dijangka pada kadar 3.3%, disokong oleh kekuatan ekonomi Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, susulan ketegangan tarif perdagangan timbal balas yang berpanjangan, syarikat-syarikat korporat telah menangguhkan pelan pelaburan syarikat, yang mengakibatkan kekurangan sokongan terhadap pertumbuhan ekonomi dunia. Oleh itu, dalam unjuran yang diterbitkan oleh IMF pada bulan April 2025, ekonomi dunia dijangka tumbuh pada kadar 2.8%, iaitu lebih perlahan daripada unjuran yang diterbitkan pada awal tahun. Sehubungan dengan itu, pasaran saham antarabangsa telah mencatatkan prestasi yang bercampur-campur, dengan

kesan ketara dapat dilihat susulan pengumuman berkaitan dengan tarif perdagangan timbal balas oleh Presiden Amerika Syarikat.

Perkembangan positif dalam sektor Teknologi Maklumat serta pakej-pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan oleh pelbagai negara di seluruh dunia telah memberikan sokongan kepada pertumbuhan ekonomi global di separuh kedua tahun kewangan. Dalam unjuran yang diterbitkan pada bulan Oktober 2025, IMF telah menaikkan jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia bagi tahun 2025 kepada 3.2%. Pasaran saham antarabangsa turut mendapat impak positif, sekali gus membolehkan pasaran-pasaran utama dunia ditutup pada paras yang lebih tinggi pada akhir tahun 2025. Indeks komposit utama antarabangsa, MSCI All Country World Islamic Index ("MSCI ACWI") telah mencatatkan kenaikan sebanyak +20.1%. Pasaran saham di Amerika Syarikat turut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan indeks NASDAQ 100 yang mencatatkan kenaikan sebanyak +20.4%, diikuti oleh indeks S&P 500 dengan kenaikan sebanyak +16.4%. Perkembangan pesat dalam industri AI di negara tersebut serta keutuhan data-data ekonomi terutamanya dalam pasaran buruh dan kadar inflasi yang terkawal telah mendorong kepada prestasi yang memberangsangkan ini. Indeks utama di Eropah, STOXX Europe 600 ("STOXX 600") turut merekodkan kenaikan sebanyak +16.7%, disokong oleh pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan oleh Jerman.

Pasaran-pasaran saham di rantau Asia Pasifik turut menunjukkan prestasi yang cemerlang, dengan pasaran saham Korea Selatan ("KOSPI") mencatatkan kenaikan tertinggi sebanyak +75.6%, diikuti oleh Taiwan ("TAIEX") sebanyak +25.7%, Jepun ("TPX") sebanyak +22.4% dan China ("HSCEI") sebanyak +22.3%. Usaha reformasi korporat dan reformasi pasaran saham di Korea Selatan dan Jepun telah membuahkan hasil dan terus memacu pasaran saham ke paras yang lebih tinggi. Perkembangan berterusan dalam sektor AI telah menyokong prestasi pasaran saham Korea Selatan dan Taiwan. Sementara itu, pasaran saham China pula didorong oleh pakej-pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan untuk menaikkan permintaan domestik.

Pasaran-pasaran saham di rantau ASEAN mencatatkan prestasi yang bercampur-campur. Pasaran saham Singapura ("STI") mencatatkan kenaikan yang tertinggi sebanyak +22.7% diikuti oleh pasaran saham Indonesia ("JCI") sebanyak +22.1%. Sebaliknya, ketidakpastian politik di Thailand dan Filipina telah memberi kesan negatif kepada pasaran saham di kedua-dua negara tersebut dengan Thailand ("SET") mencatatkan penurunan sebanyak -10.0%, dan Filipina ("PSEi") mencatatkan penurunan sebanyak -7.3%.

Bagi pasaran saham tempatan, penanda aras utama iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index ("FBM KLCI") telah merekodkan kenaikan sebanyak 2.3% kepada 1,680.11 mata pada 31 Disember 2025, berbanding 1,642.33 mata pada 31 Disember 2024. FBM KLCI mencatatkan paras terendah pada 9 April 2025 iaitu 1,400.59 mata, berikutan ketidakpastian dasar tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, pasaran saham pulih secara berperingkat dan FBM KLCI mencapai paras tertinggi pada 30 Disember 2025 sebanyak 1,684.53 mata, didorong oleh pengukuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding mata wang US Dollar ("USD"), peningkatan aktiviti penggunaan dan pelaburan, serta pendapatan korporat yang kukuh dan berdaya tahan.

Antara sektor-sektor yang menyumbang kepada prestasi positif pasaran Malaysia adalah sektor Perladangan (+8.8%), sektor REITs (+8.3%) dan sektor Kewangan (+2.8%). Ekonomi domestik juga dijangka kekal mampan hasil daripada pelbagai inisiatif yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("New Industrial Master Plan 2030, NIMP

2030”), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (“National Energy Transition Roadmap, NETR”), serta Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura. Pengukuhan Ringgit Malaysia juga mampu menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan ketara dalam tempoh tinjauan adalah 99 Speed Mart (+54.3%), Press Metal (+45.3%) dan Telekom Malaysia (+21.1%). Manakala saham-saham yang mencatatkan penurunan ketara dalam tempoh tinjauan adalah Petronas Chemicals (-29.8%), YTL Power (-25.1%) dan YTL Corporation (-23.6%).

Keluaran Dalam Negara Kasar (“KDNK”) Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.2% pada suku ketiga tahun 2025 (Suku kedua tahun 2025: 4.4%). Secara keseluruhan, KDNK telah merekodkan pertumbuhan yang kukuh bagi tahun 2025, selari dengan unjuran yang dibuat oleh Kementerian Kewangan Malaysia dalam julat antara 4.0%-5.0%. Pertumbuhan yang memberangsangkan ini telah dipacu oleh pelaburan yang kukuh serta peningkatan eksport yang berterusan. Ia juga turut didorong oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah, pemulihan eksport barangan dan perkhidmatan, serta aktiviti pelaburan swasta yang lebih giat.

3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, pasaran sekuriti berpendapatan tetap global menunjukkan pemulihan kukuh dengan pulangan yang memberangsangkan. Indeks Agregat Global (“Global Aggregate Index”) mencatatkan pulangan sebanyak 8.17% berbanding -1.69% pada tahun 2024, disokong oleh penurunan kadar hasil agregat sebanyak 16 mata asas kepada 3.52% pada penghujung tahun 2025, selaras dengan peralihan dasar monetari yang lebih longgar di peringkat global serta data inflasi yang semakin terkawal.

Di Amerika Syarikat, Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (“Federal Reserve Board”) telah melaksanakan tiga (3) kali pengurangan kadar faedah berjumlah 75 mata asas pada tahun 2025, susulan kelembapan pasaran buruh dan inflasi yang semakin reda. Hal ini telah memperkukuhkan sentimen pasaran bon dan menurunkan kadar hasil penanda aras Perbendaharaan Amerika Syarikat 10-tahun (“10-year US Treasury”) sebanyak 39 mata asas kepada paras 4.17% pada penghujung tahun 2025. Di Eropah, Bank Pusat Eropah (“European Central Bank”) telah memotong kadar faedah sebanyak empat (4) kali dengan jumlah keseluruhan iaitu sebanyak 100 mata asas kepada paras 2.15%, sekali gus mencerminkan pendekatan dasar monetari yang lebih berhati-hati terhadap perkembangan ekonomi. Sementara itu, di United Kingdom, Bank Pusat England (“Bank of England”) turut menurunkan kadar faedah sebanyak empat (4) kali dengan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 100 mata asas kepada paras 4.0%, berasaskan keseimbangan antara risiko inflasi yang berpanjangan dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Perkembangan ini menyumbang kepada penurunan kadar hasil bon kerajaan Gilts dan penyempitan sebaran hasil kredit (“credit spread tightening”) bagi gred pelaburan (“investment grade”).

Faktor-faktor teknikal juga menyokong kepada prestasi sekuriti berpendapatan tetap sepanjang tahun 2025. Penurunan kadar hasil sepanjang suku keempat tahun 2025, berserta penyempitan sebaran hasil kredit (“credit spread tightening”), terutamanya dalam segmen gred pelaburan (“investment grade”), telah mendorong pulangan yang memberangsangkan. Selain itu, keputusan Federal Reserve Board untuk menghentikan pengetatan kuantitatif (“Quantitative Tightening, QT”)

pada 1 Disember 2025 telah menambah sokongan terhadap kecairan pasaran, sekali gus mengukuhkan sentimen terhadap pasaran sekuriti berpendapatan tetap.

Di Malaysia, Bank Negara Malaysia ("BNM") telah menurunkan OPR sebanyak 25 mata asas, daripada 3.00% kepada 2.75%, pada bulan Julai 2025, sebagai langkah awal untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran inflasi yang terkawal. Langkah ini telah mengukuhkan permintaan terhadap MGS dan terbitan berkualiti tinggi. Selaras dengan sentimen pasaran yang stabil, indeks FTSE BPAM All Bond mencatat pulangan positif iaitu 5.65% bagi tahun 2025, manakala kadar hasil penanda aras MGS 10-tahun hampir tidak berubah pada paras 3.51% pada penghujung 31 Disember 2025. Ini mencerminkan keadaan pasaran yang mantap dengan penyelarasan jangkaan kadar faedah yang lebih konservatif.

Prestasi Ringgit Malaysia sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, telah dipengaruhi oleh penurunan jurang kadar faedah antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Sepanjang tahun kewangan yang bermula pada 1 Januari 2025, nilai Ringgit Malaysia telah mengukuh sebanyak 9.30% berbanding nilai USD, meningkat daripada RM4.4765 kepada RM4.0603 menjelang akhir bulan Disember 2025. Pelaksanaan pemotongan kadar faedah oleh Federal Reserve Board yang lebih agresif berbanding BNM telah menggalakkan aliran masuk modal ke dalam pasaran bon dan ekuiti domestik di kalangan pelabur antarabangsa, seterusnya mengukuhkan lagi nilai Ringgit Malaysia.

3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026, Pengurus Pelaburan menjangkakan pasaran modal domestik dan global akan terus mencabar, dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi global, dasar monetari serta dasar fiskal global. Di samping itu, ketegangan geopolitik, termasuk persaingan perdagangan dan teknologi antara Amerika Syarikat dan China, konflik di Timur Tengah, gangguan rantaian bekalan global ekoran dasar tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat, dan situasi geopolitik di Venezuela, dijangka akan terus memberi kesan ke atas kadar kemaruahan pasaran global dan domestik. Kadar pemulihan ekonomi di China yang masih lagi tidak ketara, turut menjejaskan keyakinan pelabur.

IMF mengunjurkan purata pertumbuhan ekonomi dunia kekal stabil pada kadar 3.1% bagi tahun 2026, walaupun lebih rendah berbanding kadar purata sebelum pandemik iaitu 3.8%. Penganalisis menjangkakan penurunan kadar faedah akan dilaksanakan sepanjang tahun 2026 oleh Federal Reserve Board, Bank Pusat England ("Bank of England") dan Bank Pusat Eropah ("European Central Bank") akan memberi sokongan kepada pertumbuhan ekonomi global kekal stabil. Ketegangan geopolitik, termasuk persaingan perdagangan dan teknologi antara Amerika Syarikat dan China, konflik di Timur Tengah yang melibatkan Israel dan Palestin, serta gangguan rantaian bekalan global ekoran dasar tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat, dan situasi geopolitik di Venezuela, dijangka akan terus memberi kesan kepada kemaruahan pasaran global dan domestik. Selain itu, kadar pemulihan ekonomi di China yang masih perlahan turut menjejaskan keyakinan pelabur.

Bagi pasaran domestik, nilai Ringgit Malaysia dijangka terus mengukuh berbanding nilai USD, dipacu oleh asas ekonomi negara Malaysia yang berdaya tahan serta penyempitan jurang kadar faedah berikutan perbezaan hala tuju dasar monetari oleh Federal Reserve Board dan BNM. Federal Reserve Board dijangka melaksanakan sekurang-kurangnya satu lagi pemotongan kadar

faedah pada tahun 2026, manakala BNM pula dijangka akan mengekalkan kadar OPR pada paras 2.75% sepanjang tahun 2026.

Pelan Madani yang merupakan kerangka dasar kerajaan Malaysia, dijangka akan terus melaksanakan subsidi bersasar menjelang separuh kedua tahun 2026, yang berpotensi memberi impak terhadap kos sara hidup dan kuasa beli pengguna. Walau bagaimanapun, program bantuan Sumbangan Asas Rahmah dan Sumbangan Tunai Rahmah sedikit sebanyak akan membantu mengurangkan impak negatif terhadap kuasa beli pengguna. Di samping itu, ekonomi Malaysia turut dijangka akan terus menerima aliran pelaburan asing, khususnya dalam pusat data dan projek Tenaga Boleh Baharu ("TBB") sebagai penampungan kepada ketidakstabilan ekonomi global, seiring dengan pelaksanaan inisiatif dan projek-projek kerajaan seperti NETR dan NIMP 2030.

Sehubungan dengan itu, strategi pelaburan Dana akan kekal mengambil pendekatan berhemat dan proaktif, dengan memantau perkembangan ekonomi dan pasaran secara rapi, selain melaraskan strategi pelaburan bagi memastikan pulangan kompetitif disamping mengimbangi tahap risiko keseluruhan Dana.

Pengurus Pelaburan akan terus mempelbagaikan pelaburan merangkumi ekuiti domestik dan ekuiti antarabangsa, serta meningkatkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap. Dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu, Pengurus Pelaburan akan mengambil posisi taktikal untuk menjana keuntungan daripada turun naik pasaran ekuiti, disokong oleh pegangan dalam aset berisiko rendah termasuk sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang bagi memastikan NAB Dana kekal stabil.

(i) Ekuiti

a. Domestik

Strategi pelaburan ekuiti domestik Dana akan dilakukan secara selektif dengan menumpukan kepada sektor yang berdaya saing, mempunyai asas perniagaan kukuh dan berpotensi menjana pulangan dividen yang kompetitif dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu dan dipengaruhi tekanan geopolitik global.

Pasaran saham domestik pada tahun 2026 dijangka terus dipacu oleh permintaan penggunaan yang kukuh, disokong oleh pasaran tenaga kerja yang mampan serta pelaksanaan pelbagai inisiatif kerajaan. Ini termasuk pelaksanaan kenaikan gaji penjawat awam Fasa Keduaduan kesinambungan program bantuan Sumbangan Asas Rahmah. Selain itu, penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026 dan Tahun Pelancongan Perubatan Malaysia 2026 juga dijangka meningkatkan ketibaan pelancong, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan itu, strategi pelaburan Dana akan tertumpu kepada sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada penggunaan domestik yang kukuh dan peningkatan aktiviti pelancongan, termasuk sektor Barangan Asasi Pengguna, sektor Barangan Asasi Bukan Pengguna, sektor Penjagaan Kesihatan dan subsektor REITs.

Di samping itu, Malaysia dijangka terus kekal sebagai destinasi pilihan pelaburan langsung domestik dan asing, didorong oleh pembangunan pesat teknologi AI di peringkat global yang meningkatkan permintaan terhadap pembangunan pusat data, serta kesan penstrukturan semula rantaian bekalan global berikutan ketegangan hubungan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Oleh itu, strategi pelaburan akan diteruskan dalam sektor-sektor yang meraih manfaat secara langsung dan tidak

langsung, termasuk sektor Pembinaan, sektor Teknologi Maklumat, sektor Utiliti, sektor Perkhidmatan Komunikasi, sektor Hartanah dan sektor Kewangan.

b. Antarabangsa

Pelaburan antarabangsa akan dilakukan secara selektif dengan mengambil kira perkembangan makroekonomi global, risiko geopolitik dan aliran dagangan dunia. Fokus akan diberikan kepada sektor yang mempunyai prospek kukuh dan pertumbuhan pendapatan yang baik serta sektor yang mendapat manfaat daripada dasar kerajaan. Pelaburan taktikal Dana dalam sektor Teknologi Maklumat di Amerika Syarikat, Korea Selatan, dan Taiwan akan diteruskan berikutan permintaan meningkat terhadap produk-produk semikonduktor.

Selain itu, Dana juga akan mengekalkan pelaburan dalam sektor defensif seperti sektor Kepenggunaan yang berasaskan gaya hidup dan permintaan domestik, serta sektor Penjagaan Kesihatan khususnya biofarmaseutikal.

(ii) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Pengurus Pelaburan akan terus meningkatkan pendedahan kepada sekuriti berpendapatan tetap bagi memperoleh aliran pendapatan kupon yang stabil, di samping mengurangkan risiko portfolio serta menyokong kestabilan NAB Dana. Pendekatan ini sejajar dengan objektif jangka sederhana dan panjang Dana untuk menjana pulangan mampan dalam persekitaran pasaran global yang tidak menentu.

Bagi pasaran domestik, strategi pelaburan akan memberi tumpuan kepada sekuriti berpendapatan tetap sebagai sumber pendapatan yang stabil dan penampan risiko dalam portfolio. Dengan ekonomi domestik dijangka kekal berdaya tahan dan OPR yang diunjurkan kekal stabil, pendekatan pelaburan akan lebih tertumpu kepada sekuriti berjangka pendek hingga sederhana, khususnya bon dengan tempoh matang di bawah sepuluh (10) tahun, bagi mengoptimalkan keseimbangan antara pulangan dan risiko kadar faedah. Selain itu, jangkaan pengukuhan nilai Ringgit Malaysia turut berpotensi meningkatkan minat pelabur asing terhadap pasaran bon domestik, seterusnya menyokong kecairan dan penilaian pasaran. Dalam persekitaran ini, pemilihan bon korporat akan dibuat secara selektif berdasarkan kekuatan asas kewangan dan daya tahan perniagaan penerbit, manakala MGS dan GII akan terus digunakan secara strategik sebagai asas kecairan dan pengurusan volatiliti. Pengurusan tempoh matang dan pendedahan kadar faedah akan dilaksanakan secara aktif dan berdisiplin, selaras dengan perkembangan dasar monetari serta keadaan pasaran domestik sepanjang tahun 2026. Di samping pendapatan kupon, portfolio juga akan memanfaatkan peluang untuk menjana keuntungan modal secara berhemat, selaras dengan keadaan pasaran semasa.

Bagi pelaburan antarabangsa, Pengurus Pelaburan akan kekal melaksanakan pendekatan secara berperingkat dan selektif di pasaran maju serta pasaran membangun terpilih. Pelaburan ini bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada satu pasaran serta mengakses peluang pulangan yang lebih kompetitif dalam persekitaran kadar faedah global yang dijangka berubah-ubah. Antara pasaran yang akan menjadi tumpuan utama pada tahun 2026 ialah Australia, yang menawarkan penarafan kredit bertaraf "AAA" dan penerbit bon korporat yang berkualiti tinggi yang menyediakan gabungan kekuatan kredit, kedalaman pasaran dan kestabilan harga untuk pelaburan jangka panjang. Pelaburan taktikal juga akan

dilakukan berdasarkan penilaian dan keadaan pasaran semasa, dengan mengambil kira risiko kredit, kadar faedah dan mata wang.

Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan dikekalkan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham domestik dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian. Untuk keperluan kecairan, pelaburan berkenaan akan ditempatkan dalam deposit jangka pendek. Pengurus Pelaburan juga berkemungkinan meningkatkan pegangan tunai jika berlaku perubahan negatif yang ketara kepada ekonomi dan pasaran modal.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang telah diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia seperti yang dinyatakan pada Nota 2 Laporan Penyata Kewangan dan Garis Panduan Dana Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambil kira pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2025, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 12 Februari 2026.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengurus

DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
12 Februari 2026

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **AMANAH SAHAM BUMIPUTERA** ("Dana")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Dana dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Dana adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Dana.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
12 Februari 2026

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB

Laporan penyata kewangan

Pendapat

Ringkasan penyata kewangan, yang merangkumi penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2025, dan nota-nota yang berkaitan, berasal dari penyata kewangan yang diaudit AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah") untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Pada pendapat kami, ringkasan penyata kewangan yang disertakan adalah konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit, sesuai dengan keperluan pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC untuk pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia.

Ringkasan penyata kewangan

Ringkasan penyata kewangan tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti yang diubah oleh spesifikasi yang dikeluarkan oleh SC ("Spesifikasi SC") seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 pada ringkasan penyata kewangan dan Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia. Oleh itu, bacaan ringkasan penyata kewangan dan laporan juruaudit di atasnya bukanlah pengganti untuk penyata kewangan Unit Amanah yang diaudit dan laporan juruaudit di atasnya.

Penyata kewangan yang diaudit dan laporan kami di atasnya

Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubah suai mengenai penyata kewangan yang diaudit dalam laporan kami bertarikh 12 Februari 2026.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Unit terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan ringkasan penyata kewangan bersesuaian dengan syarat pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC mengenai pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC tentang Dana Unit Amanah di Malaysia.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat samaada ringkasan penyata kewangan konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit berdasarkan prosedur kami, yang dijalankan sesuai dengan Piawaian Pengauditan yang Disetujui Malaysia (ISA) 810 (Disemak semula), "Penglibatan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan".

Sekatan penggunaan

Laporan kami mengenai ringkasan penyata kewangan Unit Amanah untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2025 dikeluarkan dengan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia dan tanpa tujuan lain.

Ernst & Young PLT
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
12 Februari 2026

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor
No. 03083/07/2027 J
Akauntan Bertauliah

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		1,584,031,939	1,200,568,269
Pendapatan dividen		6,209,915,942	5,829,844,323
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		3,026,054,804	4,415,563,429
Keuntungan/(kerugian) ternyata daripada kontrak hadapan tukaran asing		30,600,000	(739,200)
Kerugian bersih tukaran asing		(371,315,506)	(90,918,295)
		<u>10,479,287,179</u>	<u>11,354,318,526</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	5	51,514,849	111,631,532
Yuran pemegang amanah	6	1,000,000	1,000,000
Ganjaran juruaudit		58,100	55,300
Yuran ejen cukai		6,000	5,600
Perbelanjaan pentadbiran		61,162,823	137,924,907
Rosot nilai pelaburan		1,373,814,066	913,087,609
		<u>1,487,555,838</u>	<u>1,163,704,948</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		8,991,731,341	10,190,613,578
CUKAI	7	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>8,991,731,341</u>	<u>10,190,613,578</u>
Pengagihan pelaburan	8	<u>9,252,677,383</u>	<u>9,955,431,707</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>5.20 sen</u>	<u>5.75 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 Januari 2026</u>	<u>1 Januari 2025</u>
Pendapatan bersih selepas cukai			
Ternyata		9,277,410,052	10,190,613,578
Tidak Ternyata		(285,678,711)	-
		<u>8,991,731,341</u>	<u>10,190,613,578</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

	Nota	2025 RM	2024 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		8,991,731,341	10,190,613,578
Lain-lain pendapatan komprehensif		-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN		<u>8,991,731,341</u>	<u>10,190,613,578</u>
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:			
Ternyata		9,277,410,052	10,190,613,578
Tidak ternyata		(285,678,711)	-
		<u>8,991,731,341</u>	<u>10,190,613,578</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.3 PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	2025 RM	2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	91,624,622,698	58,703,637,572
Pembelian pelaburan	(97,111,089,923)	(55,312,346,470)
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(80,000,000)	(16,248,063,868)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	16,248,063,868	8,658,857,941
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	1,849,399,922	1,251,802,887
Pendapatan dividen diterima	6,209,435,724	6,024,001,876
Pembayaran yuran pengurus	(47,684,884)	(112,903,120)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(83,334)	(1,000,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(57,686,974)	(135,790,606)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	18,634,977,097	2,828,196,212
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	14,111,300,000	11,520,400,000
Pengagihan dibayar	(9,955,431,707)	(11,853,000,000)
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(7,682,600,000)	(7,534,298,890)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(3,526,731,707)	(7,866,898,890)
PENINGKATAN/(PENURUNAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	15,108,245,390	(5,038,702,678)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	(371,315,507)	(90,918,296)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	4,360,167,860	9,489,788,834
	19,097,097,743	4,360,167,860
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	852,876,284	461,272,050
Deposit dengan institusi kewangan	18,324,221,459	20,146,959,678
	19,177,097,743	20,608,231,728
Deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan	(80,000,000)	(16,248,063,868)
	19,097,097,743	4,360,167,860

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.4 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 21 Oktober 1989, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 2 Januari 1990, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12.3 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah pada 14 Mei 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 12 Februari 2026.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan Garis Panduan Dana Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

SC telah mengeluarkan spesifikasi khusus di mana PNB dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunakan MFRS 9 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 9") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan spesifikasi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS yang baru dan disemak semula yang tertakluk kepada entiti dengan tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

(b) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan di mana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

(ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam saham disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajaran. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat di mana Unit Amanah memegang lebih dari 20% kepentingan ekuiti. Unit Amanah tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap syarikat pelaburannya kerana Unit Amanah (i) tidak mempunyai perwakilan dalam lembaga pengarah entiti ini; dan (ii) tidak mengambil bahagian dalam proses pembuatan dasar mereka. Sebagai tambahan, Unit Amanah tidak terlibat dalam pembuatan keputusan untuk tujuan menggunakan hak suara dalam mesyuarat agung entiti-entiti ini.

(iii) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan dinyatakan pada kos.

(c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(d) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

(e) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan skim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akrual menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada PNB diiktiraf dalam untung atau rugi pada tarikh urus niaga.

(g) Mata Wang Asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian"). Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan didalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf didalam Penyata Pendapatan Penyata Untung atau Rugi.

Transaksi bukan kewangan pada nilai saksama yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh nilai saksama ditentukan. Transaksi bukan kewangan yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata asing tidak ditukarkan. Perbezaan tukaran yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada transaksi bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

(h) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya, bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot nilai telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa, pengiktirafan rosot nilai pelaburan sebanyak RMRM1,373,814,066 (2024: RM913,087,609).

5. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1, Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.0% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("NAB") dana Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 sebanyak 0.04% (2024: 0.08%) dari NAB dana Unit Amanah.

6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 dan Jadual ke Sembilan Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 ditetapkan pada RM1,000,000 (2024: RM1,000,000).

7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 1991 hingga tahun berikutnya.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai disumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2025 RM	2024 RM
Peruntukan pengagihan	9,252,677,383	9,955,431,707

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 sebanyak 5.20 sen (2024: 5.75 sen) seunit yang akan diagihkan kepada

pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2025 RM	2024 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	1,584,031,939	1,200,568,269
Pendapatan dividen	6,209,915,942	5,829,844,323
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	3,001,322,135	4,180,381,558
Keuntungan/(kerugian) bersih direalisasi atas kontrak pertukaran mata wang hadapan.	30,600,000	(739,200)
Kerugian bersih ternyata kadar tukaran asing	(85,636,795)	(90,918,295)
	10,740,233,221	11,119,136,655
Tolak: Perbelanjaan	(1,487,555,838)	(1,163,704,948)
Jumlah pengagihan	9,252,677,383	9,955,431,707
Pengagihan kasar dan bersih seunit	5.20 sen	5.75 sen

9. MODAL PEMEGANG UNIT

	2025		2024	
	Unit	RM	Unit	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:				
Pada awal tahun	174,733,100,000	174,733,100,000	174,974,600,000	174,974,600,000
Penjadian unit untuk:				
Jualan	4,169,500,000	4,169,500,000	2,304,000,000	2,304,000,000
Pelaburan semula pengagihan	9,524,221,880	9,524,221,880	7,534,298,890	7,534,298,890
Pelaburan semula bonus	420,778,120	420,778,120	1,773,201,110	1,773,201,110
	14,114,500,000	14,114,500,000	11,611,500,000	11,611,500,000
Pembatalan unit	(7,682,600,000)	(7,682,600,000)	(11,853,000,000)	(11,853,000,000)
Pada akhir tahun	181,165,000,000	181,165,000,000	174,733,100,000	174,733,100,000

10. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Disember 2025, PNB secara sah memegang 105,301,303 unit (2024: 130,044,307 unit), merangkumi 0.06% (2024: 0.07%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga RM'000	%	Yuran Broker RM'000	%
Malayan Banking Berhad*	6,356,491,213	6.90	6,065,002	7.39
UBS Securities Malaysia Sdn. Bhd.	5,532,743,956	6.01	6,118,928	7.46
BNP Paribas Malaysia Berhad	5,404,062,613	5.87	3,283,954	4.00
Liquidnet Europe Ltd	5,261,134,682	5.70	1,522,080	1.86
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	5,098,529,628	5.54	6,112,457	7.45
Citigroup Global Markets Malaysia Sdn. Bhd.	4,969,653,250	5.40	6,279,222	7.65
J.P. Morgan Securities (Malaysia) Sdn Bhd.	4,950,500,908	5.38	5,853,733	7.13
CLSA Securities Malaysia Sdn. Bhd.	4,917,300,302	5.34	6,193,518	7.55
CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd	4,907,635,192	5.33	4,680,135	5.70
Macquarie Capital Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	4,738,916,956	5.15	6,479,911	7.90
Lain-lain	39,925,287,803	43.38	29,463,735	35.91
	92,062,256,503	100.00	82,052,675	100.00

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

* PNB dan/atau dana unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri.

12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2025	2024
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.51 kali	0.35 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2025	2024
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.09%	0.15%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar pendapatan dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti / Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilihan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti / pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur yang teliti.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Mata Wang

Risiko mata wang ialah risiko penurunan dan peningkatan nilai instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran mata wang asing. Unit Amanah melabur dalam sekuriti patuh syariah dan pelaburan lain yang didominasi oleh mata wang selain mata wang fungsian. Justeru, nilai aset-aset Unit Amanah mungkin akan memihak menguntungkan atau sebaliknya disebabkan oleh risiko peningkatan atau penurunan kadar mata wang asing.

Risiko Kecairan / Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

15. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

16. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB, Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Unit No. A-G-R4, A-G-R5, A-G-R6 & A-G-R7, Block A, Bangunan Suasana PJH, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40000 Shah Alam, Selangor	No. 2, Jalan Medan Niaga 8, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor, Selangor
MELAKA	
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru, 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh, Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan, Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang	No. 8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh, Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 & A-12A-2, Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar, Perlis	Lot 1, 2 & 3, Tingkat Bawah dan Tingkat 1, Jalan Pejabat, Mukim Bandar, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
No. 27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar, Kedah	No. 51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani, Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram, 83000 Batu Pahat, Johor	No. 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre, 81200 Johor Bahru, Johor

JOHOR	
No. 6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat, Johor	
KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu, Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh, Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15 a.m. - 4:00 p.m. (Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal, 88100 Kota Kinabalu, Sabah	TB 4287 & 4280, Tingkat Bawah & Satu, Town Ext II, Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau, 91000 Tawau, Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu, Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau, Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan, Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching, Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri, Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu, Sarawak	Lot 1457 & 1458, Sg. Kudong Shophouse, Ground Floor, Jalan Buangsiol, 98700 Limbang, Sarawak
Lot 1922 & 1923, Lorong 1, Jalan Kelab, 95000 Sri Aman, Sarawak	Lot 1007 & 1008, Jalan Kampung Nyabor, 96000 Sibul, Sarawak

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad

197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad

197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 91, Menara Merdeka 118

Presint Merdeka 118

50118 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@asnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 34, Vista Tower, The Intermark

348, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129

EMEL

info@artrustees.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

